

PEMBABITAN TUN DR. ISMAIL DALAM UMNO, 1951-1957

Shahirah binti Mustaffa¹

Abstract

Most studies on UMNO concentrate on certain political figures, such as Dato' Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman, and Tun Abdul Razak. However, writings on the struggle of Tun Dr. Ismail in UMNO are few and far between. This writing intends to highlight Dr. Ismail's involvement in UMNO, seldom featured in previous works. Discussions in this work include Dr. Ismail's struggle during his early years in UMNO until the independence of Malaya on 31 August 1957. This writing, other than providing observations on the factors of Dr. Ismail's entry into UMNO, also details the reason behind Dr. Ismail's late entry into the party. This study argues that Dato' Onn is the main reason that prevented Dr. Ismail from joining UMNO. Furthermore, the struggle for independence was the main incentive for Dr. Ismail's decision to join UMNO.

Key words: Tun Dr. Ismail, UMNO, Independence, Dato' Onn, Alliance, Federal Legislative Council, Member System.

Pengenalan

Tun Dr. Ismail merupakan salah seorang pemimpin yang memainkan peranan penting dalam proses mencapai kemerdekaan negara. Pelbagai jawatan penting telah disandang beliau semenjak mula membabitkan diri dalam perjuangan UMNO, antaranya naib presiden UMNO dan Jawatankuasa Kewangan UMNO. Walaupun terdapat banyak kajian mengenai UMNO yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu, namun, masih belum ada kajian terperinci dilakukan oleh mana-mana pengkaji mengenai pembabitan Dr. Ismail dalam UMNO. Penglibatan Dr. Ismail dalam UMNO amat penting untuk dikaji memandangkan ketika Tunku Abdul Rahman mengambil alih tampuk pimpinan UMNO pada tahun 1951, beliau merupakan orang nombor tiga parti selepas Tunku dan Tun Abdul Razak. Ooi Kee Beng misalnya, di dalam buku tulisannya *The Reluctant Politician: Tun Dr. Ismail and His Time* turut menyentuh mengenai pembabitan Dr. Ismail ketika menyertai UMNO. Namun demikian, beliau hanya menumpukan kajian terhadap pembabitan Dr. Ismail dalam menyertai rombongan kemerdekaan di London. Thajunnisa Mohamed Ibrahim dalam bukunya bertajuk *Tun Dr. Ismail: Kejora Timur Yang Mengerdip*, turut mengupas mengenai pembabitan Dr. Ismail dalam UMNO. Namun penulis hanya menyentuh secara ringkas mengenai pembabitan beliau dalam UMNO dan sumber yang digunakan juga amat terbatas. Bagi mengisi kelompangan yang ditinggalkan oleh pengkaji terdahulu, makalah ini dikemukakan bagi mengupas perjuangan Dr. Ismail dalam UMNO ketika Tanah Melayu melancarkan usaha untuk mencapai kemerdekaan.

Latar Belakang UMNO

UMNO (*United Malays National Organisation*) atau dalam bahasa Melayu digelar PEKEMBAR (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu) wujud akibat kebangkitan semangat orang-orang Melayu untuk menentang penubuhan Malayan Union. UMNO secara rasminya telah ditubuhkan pada 11 Mei 1946 di Istana Besar, Johor Bahru.² Walaupun UMNO telah ditubuhkan, Dr. Ismail masih belum menyertai UMNO yang ketika itu di bawah teraju Dato' Onn Jaafar. Beliau hanya menyertai UMNO pada tahun 1951 selepas Tunku mengambil alih tampuk pimpinan UMNO yang dilepaskan oleh Dato' Onn.³

Persis putera raja, UMNO dilahirkan di Istana Besar, Johor Bahru pada 11 Mei 1946. Kelahirannya disambut dengan semangat perjuangan yang tinggi oleh bangsa Melayu yang berjuang untuk mempertahankan maruah bangsa, agama dan negaranya daripada dicerobohi oleh bangsa asing. Kebangkitan pemimpin-pemimpin Melayu ini disebabkan oleh perjanjian MacMichael yang ditandatangani oleh Raja-raja negeri Melayu. Perjanjian yang ditandatangani ini akan mengakibatkan Raja-raja Melayu kehilangan kedaulatannya kecuali dalam hal-hal berkaitan agama Islam dan adat istiadat Melayu. Menurut Malayan Union, bidang kuasa British di Tanah Melayu adalah mutlak dan seorang gabenor akan dilantik sebagai pemerintah utama.⁴ Di samping itu, orang-orang Melayu juga tidak berpuas hati dengan prinsip *jus soli* yang termaktub di dalam Malayan Union kerana ianya mengakibatkan kerakyatan Tanah Melayu akan lebih terbuka.⁵ Oleh yang demikian, disimpulkan bahawa UMNO wujud di atas semangat perjuangan bangsa Melayu untuk menentang gagasan Malayan Union yang dibentuk oleh British.⁶

Latar Belakang Tun Dr. Ismail

Dr. Ismail merupakan antara tokoh UMNO yang penting untuk dibincangkan kerana selain tokoh-tokoh UMNO seperti Dato' Onn, Tunku dan Tun Razak, beliau turut memberikan sumbangan yang penting dalam UMNO. Namun, Dr. Ismail jarang ditonjolkan dalam pengkajian mengenai UMNO. Walaupun tidak menyertai UMNO di awal penubuhannya, namun perjuangannya dalam UMNO tidak boleh disangsikan. Dr. Ismail pernah menyifatkan dirinya sebagai "*A Reluctant Politician*" namun apabila mula terbabit dalam politik, beliau tidak pernah mengabaikan tanggungjawabnya malahan sentiasa berusaha menjalankan tanggungjawabnya sebaik mungkin.⁷

Dr. Ismail lahir dalam lingkungan keluarga yang ternama di negeri Johor dan telah pun terbabit dalam dunia politik. Ayah beliau, Dato' Abdul Rahman Yassin merupakan pegawai tinggi Negeri Johor dan merupakan speaker Dewan Negara yang pertama pada September 1959 sehingga 31 Disember 1968. Dato' Abdul Rahman adalah dari keturunan keluarga Orang Kaya Ahat yang berasal dari Padang, Muar.⁸ Manakala ibu Dr. Ismail pula berasal dari keturunan keluarga Orang Kaya Abu Bakar dari Muar.⁹ Dr. Ismail telah mendirikan rumahtangga bersama Toh Puan Norashikin binti Dato' Mohd Seth (Neno) yang merupakan anak kepada bekas menteri besar Johor iaitu Dato' Mohd. Seth bin Mohd. Said.¹⁰ Dr. Ismail dan Neno dikurniakan seramai enam orang anak iaitu dua perempuan dan empat lelaki, mereka ialah Tawfik, Zailah, Badariah, Tarmizi, Zamakhshari dan Ariff.¹¹

Dr. Ismail dilahirkan pada 4 November 1915, di Jalan Chat, Johor Bahru.¹² Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Bukit Zaharah, Johor Bahru sebelum memasuki English College, Johor Bahru pada tahun 1922.¹³ Selepas tamat pengajian di English College, Dr. Ismail menyambung pengajiannya ke Singapura. Semasa di Singapura, Dr. Ismail melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di Kolej Perubatan King Edward VII dari tahun 1935 sehingga 1937,¹⁴ dengan tajaan biasiswa daripada kerajaan Negeri Johor.¹⁵ Disebabkan kelemahan latar belakang pendidikan dalam bidang sains, pengajian Dr. Ismail di Singapura tidak dapat disempurnakan sehingga tamat.¹⁶ Selepas gagal menamatkan pengajian di Kolej Perubatan King Edward VII, beliau melanjutkan pengajian perubatan di Universiti Melbourne pada Julai 1940.¹⁷ Dr. Ismail berjaya menamatkan pengajian dan memperoleh Ijazah Perubatan di Universiti Melbourne pada 5 Jun 1945. Beliau merupakan orang Melayu pertama yang berjaya memperoleh Ijazah Perubatan dari Australia.¹⁸

Selepas pulang ke Tanah Melayu pada 26 Julai 1946, Dr. Ismail memulakan tugasnya sebagai pegawai perubatan di Jabatan Perubatan Johor Bahru. Namun, selepas itu beliau telah membuka klinik sendiri yang dinamakan Klinik Tawakkal, di 110, Jalan Trus, Johor Bahru yang beroperasi pada 1947 hingga 1953.¹⁹ Pada awalnya, Dr. Ismail tidak bercadang untuk melibatkan diri dalam arena politik selepas pulang ke Tanah Melayu, sebaliknya beliau ingin meneruskan kerjaya sebagai doktor perubatan. Namun, beliau akhirnya terpaksa akur untuk melibatkan diri dalam dunia politik yang mungkin telah ditakdirkan untuk beliau. Memilih jalan untuk menceburi bidang politik menyedarkan Dr. Ismail kehidupan yang dilaluinya sebagai ahli politik bukanlah seperti apa yang pernah dicita-citakan beliau selama ini. Beliau sebenarnya seorang doktor yang bercita-cita menjadi seorang jutawan.

Walaupun bercita-cita menjadi seorang jutawan, namun Dr. Ismail tidak pernah mengambil kesempatan di atas pembabitannya dalam arena politik untuk mengaut kekayaan peribadi. Malahan, beliau sangat dedikasi menjalankan tanggungjawab sebagai pemimpin dan ahli politik. Bukti Dr. Ismail tidak mengaut kekayaan peribadi jelas dilihat melalui kenyataan Tunku yang memberitahu:

Beliau datang kepada saya suatu hari, menyatakan betapa miskinnya beliau dan tiada suatu apa dapat beliau tinggalkan kepada keluarga jika beliau dipanggil menemui tuhan. Walaupun beliau berhasrat hendak berkhidmat kepada negara, beliau mesti memikirkan keluarganya, oleh itu izinkanlah beliau meletakkan jawatan untuk masuk ke bidang perniagaan. Beliau pun berhenti dan memasuki sebuah syarikat terkenal, dan dengan gaji yang lebih tinggi itu dapatlah beliau menyimpan wang. Apabila kekacauan 13 Mei beliau terus kembali katanya beliau telah berhenti kerja untuk menolong saya dan itulah yang beliau lakukan. Tidak dapat saya lupakan perbuatan tanda setia dan kasihnya kepada seorang sahabat.²⁰

Tidak memasuki kancah politik secara rela bukanlah alasan bagi Dr. Ismail untuk menjalankan tanggungjawabnya dengan separuh hati. Bahkan tidak keterlaluan jika dikatakan prestasi beliau sebagai ahli politik adalah lebih baik dari seseorang ahli politik yang memang bercita-cita ingin menjadi ahli politik. Hal ini disebabkan Dr. Ismail menyertai politik bukan demi kepentingan peribadi, tetapi adalah demi tanggungjawab yang harus dicurahkan kepada negara.

Pembabitan Dr. Ismail Dalam UMNO

Sebelum menyertai UMNO, Dr. Ismail telah pun terbabit dalam *The Graduates Association* yang berpangkalan di Johor Bahru. Apabila tiba di Tanah Melayu pada 4 Julai 1945, Dr. Ismail melihat situasi politik negara telah berubah dan beliau menyifatkan keadaan tersebut seperti, '*immediately after the war political feeling engulfed Malaya as a fire engulfs a forest on a hot dry day*'.²¹ Hal ini kerana, sebelum berangkat ke Australia pada tahun 1940, isu-isu politik hanya dibincangkan oleh golongan tertentu sahaja tetapi kini semua golongan turut bangkit mengambil bahagian. Dr. Ismail dan kumpulannya begitu aktif membincangkan mengenai situasi politik yang berlaku di dalam negara. *The Graduates Association* dianggotai oleh enam orang graduan yang telah menamatkan pengajian di luar negara dan mereka ini tinggal di sekitar Johor Bahru. Namun, menurut Dr. Ismail, hanya beliau dan Tun Mohamed Suffian Hashim sahaja yang sering bergiat aktif dalam membuat kertas kerja dan membentangkannya kepada Tunku.²²

Kesungguhan yang ditunjukkan oleh *The Graduates Association* dalam gerakan mencapai kemerdekaan telah menyebabkan Sardon Zubir yang pada ketika itu baru dilantik sebagai ketua pemuda UMNO berusaha untuk meyakinkan Tunku, presiden UMNO yang baru untuk melantik sekurang-kurangnya seorang daripada ahli *The Graduates Association* untuk menjadi ahli jawatankuasa pusat UMNO. Dr. Ismail sering mendapat inspirasi serta idea-idea daripada setiap perbincangan yang dijalankan. Beliau berpendapat bahawa sekiranya golongan intelektual seperti mereka ingin memainkan peranan dalam gerakan mendapatkan kemerdekaan, mereka mestilah memainkan peranan yang aktif dalam saluran-saluran yang betul dan tidak bersifat pasif.

Bagi Dr. Ismail, adalah mustahil untuk mempengaruhi masyarakat untuk menyokong gerakan memperjuangkan kemerdekaan dengan hanya menulis artikel. Menurut beliau, '*time was against it and any case all the newspapers that enjoyed a wide circulation were not anxious to do the wrong thing against the government in power*'.²³ Bagi memperkukuh perjuangan mendapatkan kemerdekaan, Dr. Ismail merasakan adalah perlu untuk membabitkan diri dalam parti yang sedia ada dan telah pun mendapat sokongan masyarakat. Hal ini kerana adalah tidak praktikal sekiranya golongan intelektual ingin menubuhkan sebuah parti baru kerana sukar untuk mendapatkan sokongan penuh masyarakat dan memerlukan masa yang lama untuk mengukuhkan serta memberi keyakinan kepada masyarakat terhadap parti yang baru ditubuhkan. Oleh itu, cara terbaik adalah dengan membabitkan diri di dalam parti sedia ada yang mempunyai ramai penyokong dan memperjuangkan kemerdekaan negara. Atas sebab inilah yang membuatkan Dr. Ismail menyertai UMNO pada tahun 1951 di bawah pimpinan Tunku yang ketika itu memperjuangkan tuntutan kemerdekaan negara. Dr. Ismail yakin berdasarkan senario politik pada masa tersebut, corak kepimpinan yang diterima oleh masyarakat adalah yang memperjuangkan kemerdekaan negara.

Hubungan Dr. Ismail dengan Dato' Onn

Di awal penubuhan UMNO, Dr. Ismail telah pun pulang ke Tanah Melayu. Namun begitu, beliau tidak menyertai UMNO yang diterajui oleh Dato' Onn. Beliau mula menyertai UMNO setelah Tunku dilantik menjadi yang dipertua UMNO, hal ini turut disahkan oleh Tan Sri Syed Jaafar Albar.²⁴ Walaupun Dr. Ismail hanya menyertai UMNO pada 1951, tetapi beliau pernah menyertai aktiviti anjuran UMNO sebelum

menjadi anggota parti tersebut. Misalnya, pada 14 September 1949, Dr. Ismail telah menyertai pertandingan tenis anjuran UMNO di Johor Bahru.²⁵ Dalam pertandingan ini, Dr. Ismail ditewaskan oleh Md. Yassim dengan keputusan perlawanan 6-1 pada pusingan pertama dan 6-4 pada pusingan kedua.

Dr. Ismail mempunyai alasan tersendiri mengenai sebab beliau enggan menyertai UMNO pimpinan Dato' Onn. Hasil analisis, didapati terdapat tiga faktor utama yang menyebabkan Dr. Ismail tidak menyertai UMNO pimpinan Dato' Onn. Faktor utama adalah Dr. Ismail berpendapat bahawa Dato' Onn tidak memimpin UMNO ke arah memperjuangkan kemerdekaan. Faktor kedua, perselisihan antara ayahnya dengan Dato' Onn. Faktor ketiga, beliau tidak yakin dengan kebolehan Dato' Onn memimpin UMNO. Sebenarnya, Dato' Onn telah beberapa kali mempelawa Dr. Ismail untuk menyertai UMNO ketika beliau ingin menerajui parti itu. Namun demikian, Dr. Ismail memberi alasan bahawa beliau ingin menumpukan sepenuh perhatian terhadap kerjaya beliau sebagai seorang doktor.²⁶

Setelah beberapa kali dipujuk oleh Dato' Onn untuk menyertai UMNO, Dr. Ismail akhirnya menyatakan perkara sebenar mengenai sebab beliau enggan menyertai UMNO. Beliau memberitahu Dato' Onn bahawa beliau hanya akan mengorbankan kerjaya sebagai seorang doktor untuk terlibat dalam politik sekiranya UMNO menjadikan kemerdekaan sebagai teras utama perjuangan parti:

I could not join UMNO because the party under his leadership would not fight for independence and that I was only prepared to give up my medical practice to join politics on the issue of independence.²⁷

Semangat juang Dr. Ismail untuk mendapatkan kemerdekaan negara turut dipengaruhi oleh sifat datuknya yang sering diceritakan oleh ibu beliau ketika Dr. Ismail masih kecil. Kisah Orang Kaya Abu Bakar iaitu datuk Dr. Ismail sering menjadi inspirasi kepada beliau untuk berjuang menuntut kemerdekaan negara. Beliau menceritakan kisah ini ketika membuat lawatan di Parit Bakar:

Saya sangat terharu melawat Parit Bakar ini kerana bila masa saya masih kecil-kecil dulu saya mendengar dari Allahyarham ibu saya sendiri pendirian Orang Kaya Abu Bakar. Sungguh pun bentuk badannya kecil bagaimana yang telah digambarkan, tetapi semangat kemerdekaannya tidak sesekali lepas daripada jiwanya seumur hidup. Dan dengan semangat itulah saya dapat menceburkan diri dalam politik supaya memerdekakan tanah air. Dan seterusnya mengorbankan diri membuat jasa kepada negara.²⁸

Berdasarkan ucapan ini, jelas dilihat Dr. Ismail sanggup meninggalkan cita-citanya untuk menjadi seorang doktor perubatan dan jutawan semata-mata untuk menyertai politik dan berjuang ke arah kemerdekaan negara. Pengorbanan Dr. Ismail dalam UMNO amat besar, beliau bukan sahaja terpaksa meninggalkan cita-citanya, tetapi terpaksa melukakan perasaan ayahnya yang begitu menginginkan beliau meneruskan kerjaya sebagai seorang doktor.

Faktor kedua yang menyebabkan Dr. Ismail tidak menyertai UMNO ketika Dato' Onn menerajui parti itu adalah disebabkan perselisihan yang berlaku antara ayah beliau dengan Dato' Onn. Dikatakan bahawa perselisihan faham ini wujud disebabkan Dato' Abdul Rahman merasa kecil hati dengan tindakan Sultan Johor iaitu Sultan Ibrahim

kerana telah melantik Dato' Onn sebagai menteri besar Johor. Walhal, Dato' Onn jauh lebih muda dan masih kurang pengalamannya dalam perkhidmatan awam berbanding Dato' Abdul Rahman yang telah lama berkhidmat dengan kerajaan Johor iaitu semenjak tahun 1895 sehingga 1946. Justeru itu, perkara ini sedikit sebanyak mengguris perasaan Dato' Abdul Rahman dan salah satu sebab Dr. Ismail tidak menyertai UMNO ketika Dato' Onn menerajui parti tersebut adalah demi menjaga perasaan ayahanda beliau.

Sultan Ibrahim dikatakan berkenan untuk memilih Dato' Onn sebagai menteri besar Johor adalah disebabkan baginda lebih suka kepada mereka yang berasal daripada kawasan Teluk Belanga, Singapura, sedangkan Dato' Abdul Rahman berasal daripada daerah Muar.²⁹ Mungkin juga di atas sebab ini ramai dari kalangan keluarga Dato' Onn dilantik menjadi menteri besar Johor. Ayah Dato' Onn iaitu Dato' Jaafar bin Muhammad merupakan menteri besar Johor yang pertama dan bertugas sebagai menteri besar semenjak 1886 sehingga 1919. Selain ayah beliau, abang Dato' Onn iaitu Dato' Abdullah bin Jaafar juga pernah menjawat jawatan sebagai menteri besar Johor yang ketiga iaitu sejak 1923 sehingga 1928. Selain daripada alasan itu, Ramlah Adam dalam tulisannya menyebut bahawa tindakan Dato' Abdul Rahman mengetuai Kumpulan Orang Tujuh menentang tindakan Sultan Johor menandatangani perjanjian Malayan Union tidak dapat diampunkan oleh Sultan Ibrahim.³⁰ Maka atas sebab ini baginda melantik Dato' Onn sebagai menteri besar sebagai membalas budi kerana tidak menyokong tindakan Kumpulan Tujuh. Kumpulan ini diketuai oleh Dato' Abdul Rahman, manakala ahli-ahlinya terdiri daripada Dato' Kosai, Ahmad Sulaiman, Safiah Sulaiman, Dr. Awang bin Hassan, Hj. Hassan Yunus dan Dato' Sulaiman.³¹ Kesemua ahli kumpulan ini adalah berasal dari daerah Muar, Johor.

Tindakan Sultan Johor yang tidak dapat mengampunkan Dato' Abdul Rahman belum dapat dibuktikan kerana pada 13 Mac 1946, Sultan Ibrahim telah menghantar telegram kepada Hay meminta agar ketujuh-tujuh pegawai yang digantung perkhidmatan itu dilantik semula dengan segera.³² Malahan, penggantungan perkhidmatan ahli Kumpulan Tujuh tidak dibuat oleh Sultan Johor, sebaliknya dibuat oleh pegawai British iaitu Regen.³³ Maklumat ini dilihat bercanggah dengan pernyataan Kassim Thukiman yang menyatakan Sultan Ibrahim telah bertindak balas dengan memecat dan menggantung perkhidmatan beberapa orang pemimpin Kesatuan Melayu Johor yang juga merupakan pegawai kerajaan.³⁴

Faktor ketiga adalah disebabkan beliau tidak yakin dengan kebolehan Dato' Onn sebagai pemimpin. Selepas pulang dari Australia, Dr. Ismail mendapati suasana politik negara sedang mengalami revolusi atau kebangkitan semangat dalam kalangan negara-negara di bawah jajahan kolonial selepas Perang Dunia kedua dan beliau tidak yakin sejauhmana Dato' Onn berjaya memobilisasi semangat masyarakat Melayu untuk menentang penjajah British. Dr. Ismail juga mempersoalkan beberapa perkara mengenai kebolehan Dato' Onn iaitu *'would he be prepared to lead the country to full independence or would he stop once Malay rights were restored?'*³⁵ Selain itu, Dr. Ismail juga menyatakan bahawa Dato' Onn *'...not however big enough to face the realities of Malayan politics?'*³⁶ Menurutnya, sepanjang karier Dato' Onn beliau hanya menyelesaikan masalah dengan pendekatan Malaya bukan dengan cara penyelesaian orang Melayu dalam menghadapi situasi politik di Tanah Melayu.

Oleh itu Dr. Ismail berpendapat, kegagalan Dato' Onn adalah disebabkan beliau tidak percaya kepada apa yang sedang beliau lakukan. Namun begitu, Dr. Ismail juga sangat mengagumi Dato' Onn dan beliau menyatakan Dato' Onn adalah seorang yang

hebat dan negara harus bersyukur kerana beliau telah berjaya menaikkan semangat nasionalisme orang-orang Melayu ke arah mencapai kemerdekaan. Malahan, Dr. Ismail menyatakan bahawa:

*Dato' Onn was a unique man. He was always fearless both morally and physically and incredibly stubborn. He was the idol of the Johore people. Handsome, dashing and fearless, he was the envy of all.*³⁷

Mula Bergiat Aktif Dalam UMNO

Ketika mula menyertai UMNO pada 1951, Dr. Ismail telah diberi pelbagai jawatan penting dalam parti. Peristiwa ini membuktikan kebolehan beliau dapat dilihat oleh anggota-anggota UMNO. Di awal pembabitan dalam UMNO, beliau telah dilantik oleh yang dipertua UMNO sebagai ahli Jawatankuasa Kerja Agong UMNO.³⁸ Kemudiannya, pada 1953, Dr. Ismail telah dilantik sebagai pengerusi Jawatankuasa Loteri UMNO. Jawatankuasa ini turut dikenali sebagai Loteri Kebajikan UMNO kerana setiap penjualan tiket loteri akan disalurkan untuk tujuan derma seperti derma mendirikan Rumah UMNO.³⁹ Perjalanan Dr. Ismail dalam UMNO dilihat amat cerah kerana tidak sampai tiga tahun menganggotai UMNO beliau telah bertanding menentang Tun Razak bagi merebut jawatan kedua tertinggi parti iaitu jawatan timbalan yang dipertua UMNO.⁴⁰ Walaupun masih baru bergiat dalam UMNO, namun kredibiliti beliau sebagai pemimpin dapat dilihat oleh ahli-ahli UMNO keseluruhannya.

Disebabkan kepercayaan yang tinggi terhadap ketokohan Dr. Ismail, ahli-ahli UMNO peringkat Bahagian dan Cawangan telah mencalonkan Dr. Ismail untuk merebut jawatan kedua dan ketiga tertinggi dalam hierarki UMNO iaitu jawatan timbalan yang dipertua UMNO dan naib yang dipertua UMNO. Namun, Tun Razak berjaya memperoleh undi majoriti untuk jawatan timbalan yang dipertua UMNO, manakala Dr. Ismail mendapat undi majoriti dalam jawatan naib yang dipertua UMNO. Majoriti sokongan terhadap Tun Razak untuk memegang jawatan nombor dua parti mungkin disebabkan ahli-ahli UMNO merasakan Tun Razak lebih sesuai menjawat jawatan nombor dua parti memandangkan pengalaman yang lebih lama di dalam UMNO dan keserasian beliau dalam bergandingan dengan Tunku. Walaupun tidak berjaya merebut jawatan kedua tertinggi parti, namun beliau telah mendapat tempat sebagai orang nombor tiga parti walaupun ketika itu beliau masih baru menyertai UMNO. Hal ini memperlihatkan bahawa beliau mendapat sokongan teguh daripada anggota-anggota UMNO keseluruhannya. Tetapi setelah Tun Razak mengambil alih tampuk pimpinan UMNO, Dr. Ismail dilantik mengambil alih jawatan timbalan presiden UMNO dari tahun 1971 sehingga 1973.

Ketika menganggotai UMNO, Dr. Ismail sering diberi peranan yang berprofil tinggi dan mempunyai tahap kerahsiaan yang tinggi. Antaranya Jawatankuasa Siasah, Perlembagaan dan Pilihan raya; pengerusi Jawatankuasa Kewangan; dan pengerusi Biro Kewangan dan Dasar Kewangan UMNO Malaysia.⁴¹ Selain itu, beliau turut dilantik sebagai Anggota Badan Menjaga Harta Benda UMNO. Badan Menjaga Harta Benda UMNO merupakan badan pemegang amanah yang bertanggungjawab ke atas bangunan dan lain-lain harta benda UMNO menurut kuat kuasa Fasal 31(1) dan (2) yang termaktub dalam Perlembagaan UMNO.⁴² Pada 1968, Dr. Ismail telah dilantik sebagai pengerusi Anggota Lembaga Pemecatan bagi kawasan Pantai Timur. Beliau memegang jawatan ini menurut kuat kuasa Fasal 27(1) dan (2), Perlembagaan UMNO.⁴³

Di samping itu, Dr. Ismail turut dilantik untuk memegang jawatan pengerusi Jawatankuasa Disiplin UMNO. Jawatan ini amat bersesuaian sekali dengan sikap beliau yang tegas serta adil dalam membuat segala keputusan. Sebelum membuat sesuatu keputusan, beliau akan menimbang seadil-adilnya setiap kesalahan yang dilakukan. Walaupun kesalahan tersebut dilakukan oleh ahli keluarga sendiri, beliau tidak akan berkompromi dan tetap menjatuhkan hukuman yang sama jika kesalahan tersebut dilakukan oleh orang lain. Malahan Dr. Ismail pernah mengeluarkan kenyataan bahawa jika ibunya sendiri yang melakukan kesalahan, maka ibunya juga akan ditangkap.⁴⁴ Sikap beliau yang sentiasa adil dan mendahulukan kepentingan negara berbanding kepentingan peribadi menyebabkan Dr. Ismail sentiasa dihormati dan dipercayai oleh semua pihak.

Walaupun sibuk dengan tanggungjawab sebagai menteri kabinet dan wakil rakyat kawasan Johor Timur, namun, Dr. Ismail tidak pernah mengabaikan tanggungjawabnya sebagai ahli UMNO. Malahan, beliau sanggup memegang pelbagai jawatan yang mempunyai tanggungjawab berat dan memerlukan banyak kerja dan masa untuk mengendalikan sesuatu jawatankuasa yang dipertanggungjawabkan ke atasnya. Misalnya, ketika menjadi timbalan presiden UMNO dan timbalan perdana menteri, Dr. Ismail sekali lagi diberikan amanah untuk memegang satu portfolio penting iaitu pengerusi Anggota Biro Politik UMNO Malaysia. Terdapat empat bahagian di bawah biro ini, setiap bahagian mempunyai tugas dan peranannya yang tersendiri iaitu Bahagian Perlembagaan, Pilihan raya, Penerangan dan Latihan Kader.

Fungsi biro politik ini antaranya adalah menggubal dasar-dasar politik parti (konsep politik dalam hubungannya dengan pembangunan dalam negara); menentukan strategi parti dalam menghadapi parti-parti rakan dan parti-parti pembangkang; memeriksa pergerakan parti dalam memenuhi kehendak-kehendak manifesto pilihan raya dan mengawasi pelaksanaannya oleh kerajaan.⁴⁵ Cara kerja biro ini dikategorikan sebagai "sulit/rahsia" dan di peringkat pusat, perlaksanaannya dijalankan secara tertutup dan hanya terbatas kepada anggota-anggota biro sahaja. Di samping itu, Majlis Tertinggi UMNO yang telah menjalankan mesyuarat pada 13 Februari 1971 telah melantik Dr. Ismail sebagai anggota bagi jawatankuasa Kerja, Majlis Kebangsaan Malaysia Barat dan Majlis Kebangsaan Malaysia.

Keperibadian Dr. Ismail sebagai pemimpin dan anggota UMNO yang komited, jujur dan amanah dalam menjalankan tugas telah menyebabkan beliau sering diberi mandat untuk menganggotai biro atau jawatankuasa yang berprofil tinggi dan memerlukan kerahsiaan yang tinggi. Selain Biro Politik dan anggota Badan Menjaga Harta Benda UMNO, Dr. Ismail turut diberi kepercayaan menerajui Biro Kewangan UMNO Malaysia pada 1971/1972.⁴⁶ Biro Kewangan ini sama seperti Biro Politik yang mana anggotanya tidak dibenarkan memberi kenyataan rasmi disebabkan segala rancangan dan keputusan-keputusan yang diambil oleh biro ini diklasifikasikan sebagai sulit. Peranan Dr. Ismail dalam Biro Kewangan adalah untuk mengkaji dan memperbaiki kewangan parti serta mengkaji dan memperbaiki dasar kewangan secara umumnya.⁴⁷ Dr. Ismail memang pakar dalam isu menjaga dan mencari sumber kewangan. Hal ini dapat dilihat melalui tindakan beliau ketika mencari dana untuk membina Kompleks UMNO di Jalan Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur pada 1970. Beliau telah mengumpul wang hasil dari derma ahli-ahli UMNO dan orang ramai serta sebahagian dari wang UMNO untuk dilaburkan di beberapa buah syarikat bagi menggandakan wang yang

diperoleh. Menurut Tengku Razaleigh, bendahari Jawatankuasa Bangunan UMNO, jika dinilai hasil pelaburan tersebut sehingga tahun 80-an, ianya bernilai lebih \$80 juta.⁴⁸

Kejujuran Dr. Ismail sebagai pemegang amanah juga dapat dibuktikan melalui tindakannya ketika UMNO ingin membina sebuah bangunan yang lebih besar untuk menampung segala aktiviti dan kegiatan politiknya. Dr. Ismail yang ketika itu dilantik sebagai pengerusi jawatankuasa bangunan merasakan adalah tidak wajar bagi UMNO untuk mengambil tanah milik kerajaan secara percuma untuk urusan parti.⁴⁹ Oleh itu, beliau bersama-sama Tun Razak telah menyarankan agar UMNO membeli tapak tanah seluas 10 ekar dengan harga RM7.60 sekaki persegi.⁵⁰ Tindakan ini menunjukkan sikap beliau yang jujur dan adil.⁵¹ Walaupun UMNO merupakan parti yang menjadi kerajaan, tetapi beliau tidak mahu UMNO mengambil kesempatan di atas mandat yang diberikan oleh rakyat kepada mereka. Sikap beliau yang sentiasa jujur dan adil ini menyebabkan beliau sentiasa dihormati oleh semua pihak sama ada pihak lawan mahupun kawan. Malahan, rakan beliau dalam Perikatan iaitu Tun Tan Cheng Lock turut menyatakan Dr. Ismail merupakan seorang pemimpin negara yang hebat.⁵² Nampaknya, tindakan yang diambil oleh Dr. Ismail dan Tun Razak ini amat bertepatan sekali. Kedua-duanya dilihat sebagai gandingan pemimpin yang berfikiran jauh, jika dahulu UMNO menerima untuk mengambil tanah bagi membina kompleks UMNO secara percuma, sudah pasti pada hari ini isu tersebut akan dimainkan oleh pihak-pihak tertentu untuk menjatuhkan UMNO.

Memegang jawatan dalam UMNO dan kabinet membuatkan Dr. Ismail sangat sibuk menjalankan segala tanggungjawab yang terpikul dibahunya sehingga menyebabkan beliau seringkali mengabaikan kesihatannya.⁵³ Dr. Ismail sentiasa cuba mengimbangi antara tugas sebagai ahli kabinet dan parti. Pada 15 Jun 1973, Dr. Ismail telah memanggil wakil-wakil UMNO di setiap bahagian untuk menghadiri taklimat mengenai isu inflasi yang mengakibatkan kenaikan harga barang dan isu ini sedang hangat diperkatakan oleh masyarakat ketika itu. Beliau memanggil wakil-wakil UMNO ini bertujuan menerangkan keadaan sebenar mengenai situasi yang berlaku dan faktor yang menyebabkan harga barangan keperluan meningkat secara mendadak.

Dr. Ismail yang ketika itu memegang jawatan timbalan presiden UMNO dan timbalan perdana menteri merangkap menteri perdagangan dan industri, merasakan bahawa beliau perlu menerangkan secara terperinci mengenai keadaan inflasi yang melanda negara dan langkah-langkah yang sedang diambil oleh pihak kerajaan untuk menyelesaikan isu ini.⁵⁴ Bagi beliau, tindakan memanggil wakil-wakil dari UMNO bahagian yang mewakili parti pemerintah adalah amat wajar. Hal ini kerana, mereka ini akan menjadi wakil untuk menerangkan kepada masyarakat di kawasan masing-masing mengenai masalah yang melanda negara.⁵⁵ Tindakan Dr. Ismail ini dilihat bukan sahaja untuk menjelaskan keadaan inflasi yang melanda negara malahan untuk mengelakkan keadaan huru-hara dalam negara yang mungkin timbul akibat salah faham mengenai situasi harga barangan keperluan yang melambung naik. Isu ekonomi sering kali berkait dengan isu keselamatan kerana jika keadaan ekonomi negara berada dalam keadaan yang kurang stabil, ianya secara tidak langsung akan turut menggugat keselamatan negara dan begitu juga sebaliknya.

Berganding Bahu Membentuk Perikatan

Dr. Ismail turut sama menyumbang bakti dalam membentuk Perikatan antara UMNO dan MCA. Tujuan perikatan UMNO-MCA ditubuhkan adalah bagi menyatukan usaha antara kaum Melayu dan Cina untuk membina sebuah negara yang merdeka dan makmur.⁵⁶ Perikatan UMNO-MCA ini mula ditubuhkan pada 1952, ianya sebagai usaha untuk menghadapi pilihan raya dan proses mendapatkan kemerdekaan daripada pihak British. Pada awal proses rundingan membentuk Perikatan, pihak MCA bercadang mendapatkan khidmat Dr. Victor Purcell sebagai orang tengah dalam mengadakan rundingan antara UMNO-MCA.⁵⁷ Purcell merupakan penasihat bagi parti MCA di England yang datang ke Tanah Melayu pada Ogos 1952 untuk mendapatkan fakta sebenar tentang kedudukan orang Cina di Tanah Melayu dan menjadi orang tengah dalam rundingan membentuk Perikatan. Namun, Purcell telah menimbulkan perasaan kurang senang kaum Melayu, beliau dalam tulisannya *The Chinese in South East Asia* telah menuduh orang Melayu tidak adil terhadap orang Cina di Tanah Melayu.⁵⁸ Oleh itu, pihak UMNO tidak mahu kehadiran Purcell akan merosakkan hubungan yang baru hendak terjalin antara UMNO dan MCA.

Tunku yang enggan bertemu dengan Purcell menyatakan bahawa, eloklah rundingan antara dua kaum dalam tanah air ini dibuat sesama sendiri tanpa melibatkan orang tengah. Tunku secara terbuka dan berterus-terang menyatakan:

Orang-orang Cina dan orang-orang Melayu sudah lama bersahabat dan tawarikh hubungan dua bangsa itu di negeri ini tiada menunjukkan suatu perselisihan atau pergaduhan, oleh itu kiranya ada pun sebarang perselisihan, eloklah pemimpin-pemimpin dua bangsa itu berjumpa sesama sendiri dan menyelesaikannya dengan tidak payah mengadakan orang tengah.⁵⁹

Bagi menyelesaikan masalah ini, Tunku mencadangkan agar diadakan sebuah rundingan meja bulat antara UMNO dengan MCA. Dr. Ismail telah dihantar untuk mewakili UMNO dalam rundingan ini. Selain beliau, Tunku, Tun Sardon Jubir, Bahaman Shamsuddin dan Tan Sri Syed Nasir turut sama terbabit dalam rundingan ini bagi mewakili UMNO.⁶⁰ Pihak MCA pula diwakili oleh Tan Cheng Lock, Tun H.S. Lee, Tun Leong Yew Koh, S.M. Yong, Ong Yoke Lin dan T. H. Tan. Rundingan Meja Bulat pertama diadakan pada 3 Februari 1953 di Kuala Lumpur. Menurut Dr. Ismail, usaha untuk memperkukuh hubungan antara UMNO dan MCA boleh diperhebatkan lagi dengan membentuk *Liaison Committee*, antara wanita Melayu dan Cina.⁶¹

Dalam rundingan yang pertama, kedua-dua pihak bebas melemparkan pendapat dalam suasana yang harmoni. Rundingan antara UMNO dan MCA ini bertujuan untuk membentuk jalinan persahabatan antara dua kaum terbesar di Tanah Melayu. Selain itu, mereka juga merundingkan mengenai hal-hal berkaitan pilihan raya dan kemerdekaan negara. Rundingan Meja Bulat seterusnya diadakan pada 21 Februari 1953 di Singapura dan 6 Mac 1953 di Johor Bahru. Berhubung dengan pilihan raya bandaran Johor Bahru yang bakal berlangsung pada Disember 1952. UMNO dan MCA bahagian Johor Bahru telah mengadakan mesyuarat untuk membincangkan mengenai penggabungan antara kedua-dua parti ini dalam menghadapi pilihan raya yang bakal berlangsung.⁶² Dr. Ismail dilantik mempengerusikan mesyuarat ini. Dalam rundingan ini, UMNO dan MCA membincangkan mengenai strategi menghadapi pilihan raya

bandaran dan mereka telah mencapai persetujuan untuk meletakkan sembilan orang calon Perikatan dalam tiga *ward*.

Tiga *ward* ini ialah *ward* Nong Chik, Tebrau dan Ayer Molek.⁶³ Malahan, Dr. Ismail menyarankan agar kedua-dua parti membawa sebuah manifesto yang sama bagi mewakili suara dan kebajikan rakyat.⁶⁴ Manifesto yang di bawa oleh pihak Perikatan di Johor Bahru ini adalah menaik taraf bekalan elektrik, air, membersihkan dan memperbaiki kawasan yang terkena banjir, memperbaiki jalan dan juga lorong. Selain itu, kedua-dua parti bersetuju untuk memberi perhatian kepada usaha membina telefon awam di kampung-kampung, menaik taraf pasar, membina dewan, membersihkan Sungai Segget dan memperbaiki perkhidmatan pengangkutan awam terutamanya untuk pelajar-pelajar sekolah.

Pilihan raya peringkat bandaran Johor Bahru berlangsung pada 6 Disember 1952 dan memperlihatkan pertandingan antara calon Perikatan, IMP (*Independence of Malaya Party*) dan calon Bebas. Dalam kertas undi ini, Dr. Ismail yang bertanding di bawah payung Perikatan membawa simbol sudu.⁶⁵ Beliau berjanji kepada para pengundi bahawa beliau akan melaksanakan semua manifesto yang digariskan oleh Perikatan.⁶⁶ Nampaknya cadangan Dr. Ismail agar pihak Perikatan Johor Bahru membawa manifesto yang sama membawa kejayaan cemerlang. Keputusan pilihan raya ini memihak kepada Perikatan apabila kesemua sembilan calon yang dipertandingkan telah menang mengalahkan calon IMP dan juga calon Bebas. Dr. Ismail yang bertanding di *ward* Nong Chik, menang dengan undi sebanyak 1,114. Calon-calun lain termasuk dua orang lagi yang mewakili UMNO-MCA tidak berjaya memperoleh undi tertinggi. Mansoor Bakri (UMNO-MCA) memperoleh undi sebanyak 942, Uda bin Awang (UMNO-MCA), mendapat 871. Manakala calon IMP iaitu Chan Chong Wen mendapat undi sebanyak 416, Jamaliah Mustapha, 380 dan Zaharah Abdul Hamid, 303. Calon bebas pula iaitu Abdul Mubin Abdullah mendapat undi sebanyak 260 dan Abdullah Taib mendapat undi sebanyak 247.

Menyertai Majlis Perundangan Persekutuan Pimpinan Gerald Templar Melalui Sistem Ahli

Kelantangan dan keberanian Dr. Ismail dalam mengeluarkan pendapat telah menarik Tunku untuk menghantar Dr. Ismail menjadi wakil UMNO dan Perikatan untuk menyertai Majlis Perundangan Persekutuan (MPP). MPP diwujudkan akibat daripada Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948. Ahli dalam MPP terdiri daripada 26 orang ahli rasmi dan 50 orang ahli tidak rasmi. Kemudiannya, Sistem Ahli diperkenalkan oleh British pada 1951. Sistem ini memerlukan wakil daripada kerajaan Perikatan untuk berkhidmat dalam kabinet British. Mengikut sistem tersebut, portfolio yang ditawarkan terbahagi kepada portfolio rasmi dan tidak rasmi.⁶⁷ Tujuan Sistem Ahli adalah untuk memberikan latihan dan persediaan kepada wakil Perikatan untuk mentadbir dan membentuk negara sendiri.

Sistem Ahli juga memberikan pengalaman kepada mereka yang dilantik untuk menjadi "*quasi-ministers*" dan dari sistem ini, pihak Perikatan dapat menimba pengalaman sebelum membentuk kabinet sendiri kelak.⁶⁸ MPP kemudiannya memperbesar lagi keahliannya kepada 98 ahli dan 52 daripada ahli tersebut adalah dipilih.⁶⁹ Perubahan ini berlaku apabila diisytiharkan pilihan raya untuk memilih ahli-ahlinya pada Mei 1953. MPP ini tetap wujud dan memainkan peranannya walaupun

kemerdekaan negara telah tercapai pada 31 Ogos 1957. Ianya berakhir pada 1959 dan ditukar menjadi Dewan Rakyat yang mana kesemua ahli-ahlinya adalah dipilih.⁷⁰

Dr. Ismail mengatakan, '*One of Sir Gerald Templer's abilities was his uncanny knack of keeping his hand on the public pulse*'.⁷¹ Hal ini kerana menurut Dr. Ismail, apabila Templer mendapati pihak Perikatan semakin kuat dan kukuh pengaruhnya di dalam negara, beliau pun mengambil keputusan untuk melantik ahli-ahli daripada Perikatan menyertai MPP. Pada awalnya, pihak British mencadangkan agar Tunku menganggotai MPP, namun cadangan ini telah ditolak oleh Tunku.⁷² Hasrat ini diluahkan Templer pada 22 September 1953.⁷³ Pada hemat beliau, adalah kurang sesuai untuk beliau menyertai Sistem Ahli memandangkan beliau memegang jawatan sebagai yang dipertua UMNO dan tidak sepatutnya dilihat bersekutu dengan pihak British. Dr. Ismail menyatakan:

*Sir Gerald approached the Tunku, who was already an unofficial member of the exco to serve as one of the members. The Tunku was too shrewd a man to fall into the trap. He knew that if he accepted he would be tied down to the work of administering departments in his portfolio, leaving him little time for party work.*⁷⁴

Namun demikian, Tunku menyedari akan faedah yang diterima sekiranya menyertai sistem ini. Oleh itu, beliau menghantar Dr. Ismail untuk menyertai MPP.⁷⁵ Pada awalnya, Dr. Ismail yang ketika itu tinggal di Johor Bahru tidak mengetahui niat Tunku yang datang ke Johor Bahru untuk menemuinya. Dalam pertemuan tersebut, Tunku telah memberi beliau sepucuk surat dan meminta beliau untuk menemui Templer. Namun demikian, Tunku meletakkan syarat agar surat yang diberi beliau hanya boleh di baca oleh Dr. Ismail apabila tiba di perkarangan *King's House* yang merupakan kediaman rasmi Templer. Disebabkan kesetiaan dan kasih sayang beliau kepada Tunku, Dr. Ismail akur dengan permintaan Tunku walaupun permintaan tersebut bukanlah merupakan suatu prosedur yang normal.

Kandungan surat tersebut meminta Dr. Ismail menerima tawaran yang akan di buat oleh Templer untuk melantik Dr. Ismail dan H.S Lee menyertai Sistem Ahli. Malahan, Tunku menyatakan bahawa Templer akan menawarkan beliau untuk menjawat jawatan ahli Tanah dan Galian. Demi kepentingan parti dan negara serta kesetiaan beliau kepada Tunku, Dr. Ismail menerima tawaran tersebut. Akibatnya, tindakan ini telah menyinggung perasaan ayah beliau. Menurut Dr. Ismail, ayahnya tersinggung dengan keputusannya disebabkan oleh dua perkara. Pertama, disebabkan Dr. Ismail hanya memberitahu hal tersebut apabila keputusan mengenainya telah dibuat. Kedua, Dr. Ismail telah mengabaikan kerjayanya sebagai seorang doktor, sedangkan ayahnya telah banyak berkorban untuk keperluannya semasa belajar.⁷⁶ Namun, Dr. Ismail memberitahu ayahnya bahawa keputusan ini merupakan pengorbanannya kepada negara dan ianya hanyalah satu pengorbanan yang kecil. Daripada tindakan yang dilakukan ini dapatlah dilihat beliau merupakan seorang pemimpin yang sanggup mengorbankan diri dan cita-citanya demi negara.

Selepas beberapa bulan memegang jawatan sebagai ahli Tanah dan Galian, Dr. Ismail telah diamanahkan untuk menerima bahagian Komunikasi dan Pengangkutan Jalan menyertai kementeriannya. Semasa memegang jawatan ini, Dr. Ismail berusaha untuk membuka ruang agar orang-orang Melayu lebih ramai melibatkan diri dalam perniagaan pengangkutan.⁷⁷ Sepanjang menjadi ahli dalam Majlis Eksekutif General Templer, Dr. Ismail menyatakan beliau sangat sibuk kerana:

In the evening after a hard day's work at the office, I would go to the Miner's Club to sit in on the Alliance committee, which was preparing a manifesto for the forthcoming first election to the federal legislature. The manifesto on completion was a comprehensive one, embodying in detail the policy of the Alliance and it was called "The Road To Independence". In it was found the Alliance's unique proposal to set up an independent commission to draw up the constitution of independent Malaya.⁷⁸

Semasa menyertai MPP, Dr. Ismail dan H.S Lee pernah meletakkan jawatan akibat tidak bersetuju dengan tindakan majlis tersebut yang bercanggah dengan pendirian Perikatan. Pada 1954, Dr. Ismail dan H.S Lee meletakkan jawatan kerana mereka tidak bersetuju dengan syor pilihan raya yang dibuat oleh pihak British.⁷⁹ Pihak Perikatan telah mengkaji syor-syor pilihan raya yang dikemukakan oleh pihak British dan mereka mendapati bahawa syor-syor itu adalah tidak demokratik dan bertujuan untuk mengekalkan sistem pemerintahan kolonial. Jika hal ini dibiarkan berlaku, maka ianya akan mengakibatkan Tanah Melayu tidak akan berjaya memperoleh pemerintahan sendiri. Pihak UMNO dan Perikatan tidak bersetuju dengan tindakan pihak British untuk mencalonkan enam kerusi dalam pilihan raya mengikut budi bicara mereka. Syor pihak British ini hanya merupakan satu helah kerana jika Perikatan memenangi semua kerusi yang dipertandingkan sekalipun, mereka tetap tidak dapat membentuk kerajaan tanpa sokongan daripada enam orang ahli yang dicalonkan oleh pesuruhjaya tinggi.

Usaha memboikot pihak British dilakukan oleh Perikatan melalui tindakan Dr. Ismail dan H.S Lee dengan meletakkan jawatan sebagai "menteri". Tindakan ini telah menggugat pihak British. Timbalan pesuruhjaya tinggi, Sir Donald MacGillivray amat khuatir dengan tindakan ini.⁸⁰ Disebabkan kebimbangan ini, beliau telah menghantar Sir Michael Hogan ke Johor Bahru untuk bertemu Dr. Ismail dan Tunku. Pertemuan tersebut telah berlangsung di kediaman penasihat British dan mereka telah dimaklumkan oleh Sir Michael bahawa Sir Donald ingin bertemu mereka di kapal perang British "HMS Alert" yang berlabuh di Seletar iaitu Pangkalan Tentera British di Singapura, pada 2 Julai 1954.⁸¹ Turut sama dalam pertemuan ini adalah H.S Lee, mereka bertiga telah dibawa menuju ke kapal "HMS Alert" pada waktu senja dengan menaiki kenderaan penasihat British yang mengibarkan bendera Union Jack. Ketika tiba di kapal tersebut, Sir Donald telah pun menunggu mereka. Sir Donald memberitahu bahawa beliau tidak gembira di atas peristiwa yang berlaku dan boikot yang dilakukan oleh Perikatan. Perkara ini akan membuka ruang kepada pihak komunis untuk mengambil kesempatan terhadap situasi politik yang sedang berlaku. Bagi menyakinkan pihak Perikatan, Sir Donald turut memberi jaminan bahawa lima kerusi yang dicalonkan atas budi bicara pesuruhjaya tinggi itu tidak akan digunakan untuk menggagalkan mana-mana parti politik yang memenangi kerusi majoriti dalam pilihan raya.⁸² Apabila persetujuan dicapai, Dr. Ismail dan H.S Lee kembali menyertai MPP dan kembali memegang portfolio masing-masing sebelum ini.⁸³

Rundingan Kemerdekaan

Faktor utama yang mendorong Dr. Ismail menyertai UMNO adalah untuk mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu. Ketika menyertai UMNO beliau telah turut serta dalam perundingan mengenai kemerdekaan Tanah Melayu di London. Rombongan kemerdekaan ini diketuai oleh Tunku dan wakil daripada pihak Perikatan serta Raja-raja Melayu. Pada 1 Januari 1956, rombongan kemerdekaan ini telah berangkat ke Karachi.

Setelah tiba di London, rombongan kemerdekaan ini telah mengadakan mesyuarat dengan wakil-wakil kerajaan British di *Lancaster House*. Perkara paling penting yang dibincangkan dalam mesyuarat ini adalah mengenai penetapan tarikh kemerdekaan negara.⁸⁴ Pertemuan antara pihak delegasi kemerdekaan Tanah Melayu dengan wakil kerajaan Britain berlangsung selama tiga minggu dan sepanjang tempoh itu juga, *Lancaster House* telah diawasi oleh polis-polis beruniform dan juga detektif-detektif. Semasa di Britain, pihak delegasi kemerdekaan telah menginap di *St. James Court* yang terletak tidak jauh dari Istana Buckingham.

Pihak UMNO dan seluruh delegasi rombongan kemerdekaan begitu komited meletakkan sasaran tarikh kemerdekaan negara. Mereka bersungguh-sungguh untuk menetapkan sasaran tarikh ini sebelum berangkat ke London. Semasa Mesyuarat Agong UMNO di Melaka, mereka telah sepakat bahawa merdeka harus dicapai menjelang 31 Ogos 1957. Tunku mencadangkan untuk menambah frasa 'jika boleh' terhadap resolusi yang telah diputuskan. Menurut Dr. Ismail, perkataan 'jika boleh' ini terpaksa diletakkan berikutan beberapa masalah praktikal yang harus diselesaikan sebelum Perlembagaan Tanah Melayu digubal. Beliau turut menyatakan:

*We do not know yet even the composition of the constitutional commission, or its terms of reference. But we know the problems, and some of them will not be easy to solve. There are related questions, including problems of the civil service, the creation of central bank and arrangements for defence. Meanwhile a young government will be confronted by exceptional tests in the domestic field. The Alliance clearly has shown a proper and reassuring sense of responsibility.*⁸⁵

Namun begitu, isu meletakkan perkataan 'jika boleh' selepas perkataan '31 Ogos 1957' telah dipolitikkan oleh Parti Negara. Dato' Onn yang merupakan presiden Parti Negara telah menyatakan mengenai kecurigaannya mengenai hal ini. Dr. Ismail mengelarkan Dato' Onn sebagai "*Black Knight*" dan menyatakan bahawa Dato' Onn '*has picked the two words 'if possible' out of their context and given them a twist peculiar to his own interpretation*'.⁸⁶

Setelah delegasi kemerdekaan pulang daripada London, Tanah Melayu telah menjalankan pemerintahan sendiri sebagai persediaan sebelum negara mencapai kemerdekaan. Pemerintahan sendiri ini adalah untuk memberi pengalaman dan latihan sebelum negara menjalankan pemerintahan sendiri sepenuhnya. Tempoh pemerintahan sendiri ini bermula dari tahun 1955 sehingga 1957. Dalam tempoh pemerintahan sendiri ini, Dr. Ismail telah dilantik sebagai menteri perdagangan dan industri.⁸⁷ Pada 8 Februari 1956, Tunku yang merupakan ketua menteri Tanah Melayu pada ketika itu telah bersama-sama Dr. Ismail berserta dengan ahli-ahli rombongan yang lain telah menandatangani penyata berkenaan dengan Persidangan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Perkara ini adalah berkaitan dengan perhubungan di masa hadapan antara kerajaan Baginda Queen dengan Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu dan juga kerajaan Persekutuan.

Penyata ini turut ditandatangani oleh Alan Lennox-Boyd, setiausaha Pejabat Tanah Jajahan, di *Lancaster House*, London pada 8 Februari 1956. Persidangan ini bermula pada 18 Januari sehingga 8 Februari 1956. Penyata yang ditandatangani ini mengandungi butir-butir mengenai Pertahanan dan Keselamatan Dalam Negeri, pasukan Polis, Hal Ehwal Kewangan dan Iktisad, Perkhidmatan Awam dan Perubahan-perubahan Perlembagaan. Apabila secara rasminya Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada

31 Ogos 1957, Dr. Ismail dilantik oleh Tunku sebagai duta pertama Tanah Melayu ke Amerika Syarikat dan memegang status sebagai menteri tanpa portfolio. Malahan, Dr. Ismail juga telah dilantik sebagai wakil tetap Tanah Melayu ke PBB selepas Tanah Melayu diterima menganggotai pertubuhan dunia tersebut pada 17 September 1957.

Kesimpulan

Analisis yang dibuat daripada data yang ditemui mendapati faktor yang membawa Dr. Ismail menyertai UMNO adalah perjuangan kemerdekaan dan beliau sanggup mengorbankan kerjaya dan cita-cita untuk memastikan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dan kemajuan. Selain itu, didapati faktor yang menyebabkan Dr. Ismail tidak menyertai UMNO di awal penubuhannya adalah didorong oleh faktor Dato' Onn. Faktor Dato' Onn ini didokong oleh tiga asas iaitu, Dato' Onn tidak menjadikan "kemerdekaan" sebagai hala tuju parti sepertimana Tunku. Keduanya, Dr. Ismail tidak yakin dengan kredibiliti Dato' Onn sebagai pemimpin yang mampu menjaga kepentingan orang-orang Melayu dan yang terakhir, disebabkan oleh faktor perselisihan yang berlaku antara ayah Dr. Ismail dengan Dato' Onn. Selain itu, daripada penelitian yang dibuat dalam kajian ini, dapat dilihat bahawa Dr. Ismail banyak memainkan peranan dalam usaha untuk mencapai kemerdekaan. Namun begitu, setelah negara mencapai kemerdekaan, peranan Dr. Ismail dalam UMNO agak sukar untuk dilihat memandangkan pada ketika itu banyak keputusan dan peranan yang dimainkan beliau dibayangi oleh kerjaya beliau sebagai menteri kabinet. Malahan, apabila negara mencapai kemerdekaan, adalah agak sukar untuk membezakan antara keputusan parti dan kerajaan. Hal ini kerana kerajaan yang memerintah adalah daripada parti Perikatan yang salah satu komponennya adalah UMNO.

Nota

- ¹ Shahirah binti Mustaffa merupakan pelajar Ijazah Sarjana, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- ² Khoo Kay Kim, 2007. *The Making of Malaya, 1946-1955: The Fruits of Ethnic Co-operation*. Dalam: Voon Phin Keong (ed), 2007. *Malaysian Chinese and Nation-Building Before Merdeka and Fifty Years After*, Vol. 1. Kuala Lumpur: Centre for Malaysian Chinese Studies, hlm. 132.
- ³ Salah seorang pegawai British yang pernah bertugas di Tanah Melayu iaitu W.C.S Corry menyifatkan Dato' Onn sebagai seorang nasionalis yang anti-komunis tetapi tidak anti kepada orang-orang Cina. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk, *Recording of a Discussion with Mr. M.C.S Corry who served in Malayan Civil Service from 1923 to 1953*, MSS. IND. OCN. S. 215 (20).
- ⁴ Chamil Wariya, 1992. *Politik dan Raja*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti, hlm. 9.
- ⁵ Albert Lau, 1991. *The Malayan Union Controversy 1942-1948*. Singapura: Oxford University Press, hlm. 123-135.
- ⁶ Lihat juga, R.K. Vasil, 1980. *Ethnic Politics in Malaysia*. New Delhi: Radiant Publishers, hlm. 63-75.
- ⁷ Kandungan penuh rakaman ucapan YAB Tun (Dr.) Ismail bin Dato' Haji Abdul Rahman, timbalan perdana menteri, ketua perhubungan UMNO Johor Kapada Pemimpin2 Perikatan Johor, 15 Januari, 1971 di-Istana Bukit Setulang Johor Bahru, Jam 8.00 malam, Ucapan-ucapan Tun Dr. Ismail (UTDI) 01/445.
- ⁸ Zainal Abidin Alias, 1976. *Tan Sri Hj. Mohamed Noah*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Berhad. hlm. 17.

- ⁹ Ooi Kee Beng, 2006. *The Reluctant Politician: Tun Dr. Ismail and His Time*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS). hlm. 15.
- ¹⁰ Mohamed Abid, 2003. *Imbasan Peristiwa-peristiwa Sebelum Kemerdekaan Malaya*. Selangor: Pelanduk Publications. hlm. 75.
- ¹¹ Ooi Kee Beng, 2007. *Bukan Kerana Pangkat: Tun Dr. Ismail dan Masanya*. Terjemahan Bashir Basalamah, Singapura: Institute of Southeast Asian Studies dan Strategic Information and Research Development Centre, Malaysia. hlm. 7.
- ¹² Sijil Perakuan Beranak, Negeri-negeri Tanah Melayu, No. Daftar 7118/15 JS 1/165, Rumah Tun Dr. Ismail (RTDI) 14/89.
- ¹³ Drifting Into Politics, Institute of Southeast Asian Studies Singapura (ISEAS) Tun Ismail Private Papers (TIPP) Folio 12 (a).
- ¹⁴ Kamdi Kamil, 2002. Tun Dr. Ismail. In: Abu Bakar Hamid, Md. Ismail Zamzam (ed), 2002. *Pejuang Terbilang Johor*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor, hlm. 107.
- ¹⁵ Memoirs of Tun Ismail, including notes by the ambassador and notes from his diary, Surat Persendirian (SP) 176/6 (2), Dr. William Roff.
- ¹⁶ Ooi Kee Beng, hlm. 20.
- ¹⁷ Riwayat Hidup Pemimpin-pemimpin UMNO, Biography of Dr. Ismail, Senarai Fail UMNO (SFU) UMNO/SUA 78/56.
- ¹⁸ Dalam Aeternum, The Wyverns Society Newsletter- April 2010. *Queen's and Malaysia: still enjoying a long and proud association. A tribute to two important Wyverns*, [Atas talian] Diperolehi: <http://www.queens.unimelb.edu.au> [Akses 14 Januari 2013].
- ¹⁹ Dato' Dr. Ismail bin Dato' Haji Abdul Rahman, PMN, minister of home affairs, minister of Justice, prime minister's office (PREM) 13/1004 (1); UMNO-MCA Discussion Group, setiausaha agung UMNO (FSAUMNO) UMNO/SG No.4/1953.
- ²⁰ Tunku Abdul Rahman Putra, 1979. *Sudut Pandangan*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd., 1979. hlm. 147.
- ²¹ Memoirs of Tun Ismail, including notes by the ambassador and notes from his diary, SP 176/6 (2), William R. Roff.
- ²² Tunku Abdul Rahman dilahirkan pada 8 Februari 1903. Beliau merupakan anak kepada Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Sultan Kedah dengan Che Manjalara (Permaisuri keenam). Tunku merupakan perdana menteri dan menteri Luar Tanah Melayu yang pertama dan menjadi yang dipertua UMNO kedua. Malayan Independence, Biography Service, Tunku Abdul Rahman, 4.7.57, Central Office of Information (INF) 6/1993 (MI 793/32); Family Tree Sultan Abdul Hamid Halim, Pejabat Sultan Negeri Kedah (PSNKED) ARK/1.
- ²³ Drifting Into Politics, ISEAS TIPP Folio 12 (a).
- ²⁴ Abdul Majid Yusuff, _____. *Hilangnya Seorang Patriot*. Kuala Lumpur: Knight. hlm. 48.
- ²⁵ 1949. Latest UMNO Tennis Results, *Straits Times*, 15 September. hlm. 12.
- ²⁶ Drifting Into Politics, ISEAS TIPP Folio 12 (a).
- ²⁷ Ibid.
- ²⁸ Ucapan Tun Dr. Ismail Alhaj, timbalan perdana menteri dalam Majlis Maulid Nabi Mohamed S.A.W di Parit Bakar, Johor, 19 Jun 1971, UTDI, 01/470.
- ²⁹ Pembesar-pembesar Muar berketurunan dari keluarga Orang-orang Kaya Muar yang dilantik oleh Raja Ali, iaitu anakanda kepada Sultan Hussein. Pada 1855, apabila Muar diletakkan di bawah naungan pentadbiran Sultan Abu Bakar, kesemua Orang-orang Kaya tersebut diletakkan di bawah pentadbiran Johor. Disebabkan Sultan Abu Bakar mempunyai pengikut-pengikutnya di Teluk Belangah yang merupakan tempat asal pentadbiran Johor, maka perlantikan pegawai-pegawai Istana Johor diambil dari kumpulan itu dan ianya berterusan sehingga ke zaman Sultan Ibrahim. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk, Ramlah Adam, 1998. *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press. hlm. 66.
- ³⁰ Ramlah Adam, 1999. *Sumbanganmu Dikenang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 239-240.

- ³¹ Negotiations with Sir H. Mac Michael Agreement with Sultan of Johore, Attached document from letter (Sgd.) A.T. Newboul for major general, chief civil affairs officers, Malaya to Headquarters, British Military Administration, Malaya, Kuala Lumpur, 4 Mac 1946, Attachment A, Letter from Persatuan Melayu Johor, (Sgd.) by Dato' Abdul Rahman Yassin, Tuan Haji Hassan Yunus, Dr. Awang Hassan, Kosai Mohd. Salleh, Suleiman Abdul Rahman, Ahmad Suleiman and Safiah Suleiman to Chief Civil Affairs Officer, Headquarters, British Military Administration (Malaya), Kuala Lumpur, 25 Februari 1946, CO 537/1540.
- ³² Abdullah Zakaria Ghazali, 2013. Kumpulan Tujuh: Kisah Yang Tidak Banyak Diperhatikan Dalam Sejarah Perjuangan Melayu Menentang Malayan Union, Seminar Jabatan Sejarah, 26 April 2013, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- ³³ Ibid.
- ³⁴ Kassim Thukiman, 2011. *Sejarah Johor dalam Pelbagai Perspektif*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia. hlm. 19.
- ³⁵ Memoirs of Tun Ismail.
- ³⁶ Drifting Into Politics, ISEAS TIPP Folio 12 (a).
- ³⁷ Ibid.
- ³⁸ Surat Keliling 1957, Senarai Nama2 Pegawai dan Ahli Jawatankuasa Kerja Agong UMNO Bagi Tahun 1951/52, SFU UMNO/SEL No. 1/51.
- ³⁹ Surat Keliling UMNO Malaya 1953, BIL:59/53, Derma Mendirikan Rumah UMNO, SFU UMNO/SEL No. 20/53.
- ⁴⁰ 1953. Tengku is still boss of UMNO. *Straits Times*, 15 September. hlm. 5.
- ⁴¹ Biro Kewangan dan Dasar Kewangan UMNO Malaysia, SP 33/A/3/99, Tun Tan Sri Dr. Hajah Fatimah Hashim.
- ⁴² Kertas Persidangan Bilangan: 3/23/72, UMNO AGP/1/A/1/1 (1).
- ⁴³ Penyata 1967, UMNO Malaysia, UMNO AGP/1/12.
- ⁴⁴ Chamil Wariya, 2007. *50 Ikon Bangsa*. Kuala Lumpur: Media Global Matrix Sdn. Bhd. hlm.153.
- ⁴⁵ Terdapat lapan lagi fungsi dan tugas yang tersenarai dalam Biro Politik. Untuk maklumat lanjut, sila lihat, Kertas Persidangan Bilangan: 3/23/72, UMNO AGP/1/A/1/1 (1).
- ⁴⁶ Biro Kewangan dan Dasar Kewangan UMNO Malaysia, SP 33/A/3 (99), Tun Tan Sri Dr. Hajah Fatimah Hashim.
- ⁴⁷ Kertas Persidangan Bilangan: 3/23/72, UMNO AGP/1/A/1 (1).
- ⁴⁸ Tengku Razaleigh Hamzah, 1985. Dari Batu Road ke Jalan Tun Dr. Ismail. In: Rosnah Majid, Koleksi *Temuramah Khas Tokoh-Tokoh*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., pp. 33.
- ⁴⁹ Ibid., hlm. 31.
- ⁵⁰ Perasmian Kompleks UMNO Malaysia, 26 September 1985, UMNO AGP/1/J.
- ⁵¹ Kerajaan Selangor menawarkan tanah untuk membina kompleks UMNO secara percuma. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk, Tengku Razaleigh Hamzah, 1985. Dari Batu Road ke Jalan Tun Dr. Ismail. Dalam: Rosnah Majid, Koleksi *Temuramah Khas Tokoh-Tokoh*, hlm. 30-40.
- ⁵² J. Victor Morais, 1981. *Tun Tan: Potrait of A Statesman*. Singapura: Quins Pte. Ltd. hlm. 151.
- ⁵³ Dr. Ismail mempunyai masalah kesihatan yang agak kronik. Beliau mempunyai masalah injap jantung yang tidak sempurna dan menghadapi kanser leher. Beliau sanggup mengenyepikan kesihatannya untuk memastikan keselamatan negara berada di tahap yang terbaik. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Ucapan Dr. Ismail bin Dato' Haji Abdul Rahman, menteri hal ehwal dalam negeri, di temuduga TV, UTDI 01/906; Michael Foong, 1967. No Hard Work, Tun Ismail is told, *Straits Times*, 4 April. hlm. 16.
- ⁵⁴ Dato' Dr. Ismail bin Dato' Haji Abdul Rahman, PMN, minister of home affairs; minister of justice, PREM 13/1004 (1).
- ⁵⁵ Ucapan Dr. Ismail, timbalan perdana menteri dan menteri perdagangan dan perindustrian Di Majlis Taklimat UMNO di Dewan Bahasa dan Pustaka, 15 Jun 1973, UTDI 14/80.
- ⁵⁶ Mohd Ashraf Ibrahim, 2004. *Gagasan Bangsa Malayan yang Bersatu 1945-57*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. hlm. 154.

- ⁵⁷ Ibrahim Mahmood, 1982. *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 344.
- ⁵⁸ Ramlah Adam, 2004. *Biografi Politik Tunku Abdul Rahman Putra*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 137.
- ⁵⁹ Ibrahim Mahmood, 1982. *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*. hlm. 347.
- ⁶⁰ Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, 2007. *Political Awakening*, Subang Jaya: Pelanduk Publications. hlm. 36.
- ⁶¹ 1953. Link for Women Helps Alliance, *Straits Times*, 26 Oktober. hlm. 2.
- ⁶² 1952. Campaign tactics discussed, *Straits Times*, 23 Oktober. hlm. 4.
- ⁶³ 1952. Alliance wins all 9 seats, *Straits Times*, 7 Disember. hlm. 1.
- ⁶⁴ 1952. Alliance pledges 'one voice' fight Johore Bahru Elections, *Straits Times*, 29 Oktober. hlm. 7.
- ⁶⁵ 1952. The Candidates, *Singapore Free Press*, 5 Disember. hlm. 4.
- ⁶⁶ 1952. Johor Bahru's First Polls Line Up, *Straits Times*, 5 Disember. hlm. 10.
- ⁶⁷ Malaya, Brief for Minister of State, General Policy, CO 1022/267.
- ⁶⁸ Ibid.
- ⁶⁹ Joseph M. Fernando, 2009. *The Alliance Road to Independence*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press. hlm. 45.
- ⁷⁰ Abdullah Zakaria Ghazali, Adnan Haji Nawang dan Lee Kam Hing, 1997. *Malaysia: Tokoh Dulu dan Kini*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. hlm. 45.
- ⁷¹ Memoirs of Tun Ismail.
- ⁷² John Cloake, 1985. *Templer Tiger of Malaya: The Life of Field Marshal Sir Gerald Templer*. London: Harrap Limited. hlm. 311.
- ⁷³ Ucapan2 yang dipertua, Tiada tarikh, Senarai Fail UMNO (SFU) UMNO/SG No. 137/51.
- ⁷⁴ Drifting Into Politics, ISEAS TIPP Folio 12 (a).
- ⁷⁵ 1953. Elections Or I Will Resign, *Straits Times*, 5 Oktober. hlm. 5.
- ⁷⁶ Drifting Into Politics, ISEAS TIPP Folio 12 (a).
- ⁷⁷ 1954. Transport men want the Malays to come in, *Straits Times*, 31 Mac. hlm. 8.
- ⁷⁸ Memoirs of Tun Ismail.
- ⁷⁹ 1954. We may walk out of the council, says angry Alliance: Election Report A Bitter Blow, *Straits Times*, 3 Februari. hlm. 8.
- ⁸⁰ Fernando, hlm. 54.
- ⁸¹ The UMNO General Assembly at Penang, from Amconsulate Penang to The Department of State, Washington, 26 Oktober 1954, SP 379/01, Nik Anuar Nik Mahmud.
- ⁸² Joseph M. Fernando, 2007. *Federal Constitutions: A Comparative Study of Malaysia and the United States*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press. hlm. 9.
- ⁸³ 1954. Dr. Ismail and Col. Lee go back to old jobs: Alliance Leaders Re-Appointed to 'Cabinet', *Straits Times*, 31 Julai. hlm. 7.
- ⁸⁴ Leslie Hoffman, 1956. Merdeka: Shipboard talks are vital, *Straits Times*, 9 Januari. hlm. 1.
- ⁸⁵ 1956. '1957 If Possible', *Straits Times*, 17 Februari. hlm. 6.
- ⁸⁶ 1956. Dato' Onn: 'A Black Knight', Dr. Ismail attacks Negara leader on his 'suspicion and peculiar twist' over the wording of the merdeka agreement, *Straits Times*, 16 Februari. hlm. 5.
- ⁸⁷ 1955. The 10 Who Will Rule: The Alliance names six Malays, three Chinese and an Indian to the Cabinet, Rahman Gets Official "Yes" to His Plans, MacG agrees all the way, *Straits Times*, 2 Ogos. hlm.1; 1956. Tengku changes his Cabinet, *Straits Times*, 3 April. hlm. 1.

Rujukan

Sumber Primer

Central Office of Information (INF) 1, Files of Correspondence, 1936-1950.

Colonial Office (CO) 537, Confidential General and Confidential Original Correspondence, 1759-1955.
 CO 1022, South East Asia Department: Original Correspondence, 1950-1956.
 WH 1184, Records Relating to Malaysia.
 Pejabat Sultan Negeri Kedah (PSNKED).
 Prime Minister's Office (PREM) 13, Correspondence and Papers, 1964-1970.
 Rumah Tun Dr. Ismail (RTDI).
 Senarai Fail UMNO (SFU).
 Setiausaha Agung UMNO (FSAUMNO).
 Surat Persendirian (SP) 33, Tun Tan Sri Dr. Hajah Fatimah Hashim.
 SP 176, Dr. William Roff.
 SP 379, Nik Anuar Nik Mahmud.
 Singapore: Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS) Tun Ismail Private Paper (TIPP) Folio 12 (a).
 Ucapan-ucapan Tun Dr. Ismail (UTDI).

Sumber Akhbar

Singapore Free Press
Straits Times

Sumber Sekunder

Abdul Majid Yusuff, _____. *Hilangnya Seorang Patriot*. Kuala Lumpur: Knight.
 Abdullah Zakaria Ghazali, Adnan Haji Nawang dan Lee Kam Hing, 1997. *Malaysia: Tokoh Dulu dan Kini*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
 Albert Lau, 1991. *The Malayan Union Controversy 1942-1948*. Singapura: Oxford University Press.
 Chamil Wariya, 1992. *Politik dan Raja*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
 Chamil Wariya, 2007. *50 Ikon Bangsa*. Kuala Lumpur: Media Global Matrix Sdn. Bhd.
 Cloake, John, 1985. *Templer Tiger of Malaya: The Life of Field Marshal Sir Gerald Templer*. London: Harrap Limited.
 Ibrahim Mahmood, 1982. *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
 J. Victor Morais, 1981. *Tun Tan: Potrait of A Statesman*. Singapura: Quins Pte. Ltd.
 John Cloake, 1985. *Templer Tiger of Malaya: The Life of Field Marshal Sir Gerald Templer*. London: Harrap Limited.
 Joseph M. Fernando, 2007. *Federal Constitutions: A Comparative Study of Malaysia and the United States*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.
 Joseph M. Fernando, 2009. *The Alliance Road to Independence*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
 Kamdi Kamil, 2002. Tun Dr. Ismail. Dlm. Abu Bakar Hamid, Md. Ismail Zamzam (ed), 2002. *Pejuang Terbilang Johor*. Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.
 Kassim Thukiman, 2011. *Sejarah Johor dalam Pelbagai Perspektif*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
 Khoo Kay Kim, 2007. The Making of Malaya, 1946-1955: The Fruits of Ethnic Co-operation. Dalam: Voon Phin Keong (ed), 2007. *Malaysian Chinese and Nation-Building Before Merdeka and Fifty Years After*, Vol. 1. Kuala Lumpur: Centre for Malaysian Chinese Studies.

- Mohamed Abid, 2003. *Imbasan Peristiwa-peristiwa Sebelum Kemerdekaan Malaya*. Selangor: Pelanduk Publications.
- Mohd Ashraf Ibrahim, 2004. *Gagasan Bangsa Malayan yang Bersatu 1945-57*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ooi Kee Beng, 2006. *The Reluctant Politician: Tun Dr. Ismail and His Time*. Singapura: Institute of Southeast Asian Studies.
- Ramlah Adam, 1998. *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Universti Malaya Press.
- Ramlah Adam, 1999. *Sumbanganmu Dikenang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlah Adam, 2004. *Biografi Politik Tunku Abdul Rahman Putra*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tengku Razaleigh Hamzah, 1985. Dari Batu Road ke Jalan Tun Dr. Ismail. In: Rosnah Majid, Koleksi *Temuramah Khas Tokoh-Tokoh*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, 2007. *Political Awakening*. Subang Jaya: Pelanduk Publications.
- R.K. Vasil, 1980. *Ethnic Politics in Malaysia*. New Delhi: Radiant Publishers.
- Tunku Abdul Rahman Putra, 1979. *Sudut Pandangan*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd., 1979.
- Zainal Abidin Alias, 1976. *Tan Sri Hj. Mohamed Noah*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Berhad.

Kertas Kerja Seminar

- Abdullah Zakaria Ghazali, 2013. Kumpulan Tujuh: Kisah Yang Tidak Banyak Diperhatikan Dalam Sejarah Perjuangan Melayu Menentang Malayan Union, Seminar Jabatan Sejarah, 26 April 2013, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Sumber Internet

- In Aeternum, The Wyverns Society Newsletter- April 2010. *Queen's and Malaysia: still enjoying a long and proud association. A tribute to two important Wyverns*, [online] Available at: <http://www.queens.unimelb.edu.au> [Accessed 14 Januari 2013].